

# 'Saya sudah rancang bila serah kuasa'

## Tiba masa pemimpin generasi baru ambil alih pentadbiran: Abdullah

B.M 12/10/08 M/S 33

**PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan wawancara eksklusif dengan *Bernama* berikutan pengumumannya tidak mempertahankan jawatan Presiden Umno dan menyerahkan kuasa pemerintahan kepada timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, pada Mac tahun depan.**

**?** Apakah perasaan Datuk Seri sekarang selepas membuat pengumuman ini. Adakah anda berasa lega? Mungkinkah anda berasa sedikit kesal?

**S**aya bersyukur kepada Tuhan kerana memudahkan saya membuat keputusan ini. Saya telah memutuskan, saya gembira dengan keputusan ini dan berasa selesa mengenainya. Mengimbas apabila saya dipilih (sebagai Presiden Umno) pada 2004, saya merancang dalam manifesto saya mengenai negara dan apa yang diperlukan negara untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Saya masih ingat semua itu.

Selepas Wawasan 2020 diumumkan pada 1990, pelaksanaannya berjalan dengan baik. Malaysia berjaya melakukannya dengan baik pada tempoh 15 tahun pertama.

Saya sedar bahawa pada tempoh kedua pelaksanaan (Wawasan 2020), kita menghadapi pelbagai cabaran. Saya sudah berulang kali menyatakan bahawa ketika kita sedang mendaki, untuk menuju ke puncak, seperti mendaki Gunung Everest, bahagian terakhir pendakian itu adalah yang paling sukar.

Saya fikir kita telah mengadakan asas yang baik dan berdasarkan Misi

tuk Seri mempunyai misi, Datuk Seri perlu menyelesaikan misi itu."

Saya mendengar setiap pihak dan pada masa yang sama saya melihat hakikat sebenar, memikirkan masa hadapan dan akhirnya saya membuat keputusan muktamad bahawa inilah masanya yang sesuai untuk saya menyerahkan tanggungjawab saya.

**?** Adakah Datuk Seri memaklumkan kepada Yang di-Perutusan Agung?


**T**idak.

**?** Kenapa? Adakah tiada keperluan berbuat demikian?

**S**aya tidak fikir wujud satu keperluan kerana perkara ini adalah soal parti.

Saya masih Perdana Menteri. Apabila tiba masanya untuk menyerahkan atau melantik pengganti kepada Perdana Menteri, hanya ketika itu adalah penting untuk memaklumkan kepada Seri Paduka Baginda.

**?** Datuk Seri kelihatan ceria pada hari membuat pengumuman itu. Bagaimana Datuk Seri berasa gembira ketika membuat pengumuman yang akhirnya membuat Datuk Seri meninggal-



Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

**“** Saya tidak menyesal membuat keputusan. Saya berasa selesa mengenainya dan itu sebabnya saya berasa ceria. Saya fikir apa yang saya lakukan ini adalah demi kepentingan negara dan parti. Ia akan membolehkan kita memajukan

cakan ana-ana sedangkan mereka neraininya selenas tempoh masa ner-

*menumpukan perhatian kepada tugas yang ada dan saya akan menggunakan sepenuhnya bulan-bulan terakhir untuk melaksanakan agenda saya”*

dasar yang baik dan berdasarkan Misi Nasional sebagai panduan, saya percaya kita boleh merealisasikan hasrat kita. Saya yakin pengganti saya akan menyambung kerja saya dan melakukan apa yang perlu untuk membawa kita mencapai matlamat itu.

**? Adakah Datuk Seri menyatakan bahawa walaupun Datuk Seri tidak lagi menerajui (sebagai Perdana Menteri), Datuk Seri telah mengadakan asas yang baik bagi Wawasan 2020?**

**Y**a, saya percaya masanya sudah tiba untuk pemimpin generasi baru mengambil alih. Apa yang penting adalah Umno dan BN mestilah bersatu dalam menangani segala cabaran yang dihadapi.

**? Apakah yang Datuk Seri fikirkan sebelum membuat keputusan berkenaan?**

**S**aya perlu menyatakan ini. Selepas pilihan raya, terdapat orang yang menyatakan bahawa saya mesti mengundurkan diri. Beberapa orang menyatakan bahawa saya bertanggungjawab terhadap keputusan yang tidak seorang pun (dalam BN) suka, yang mengejutkan anggota parti, terutama Umno. Namun ada juga orang lain yang bersungguh-sungguh menyokong saya dan mahu saya kekal untuk meneruskan tugas. Dan apabila mereka datang ke rumah saya dalam satu kumpulan yang besar, menyatakan kepada saya “Datuk Seri tidak boleh mengundurkan diri, Da-

**buat Datuk Seri meninggalkan suatu kedudukan penting dan hilang pegangan kuasa?**

**S**ebagaimana saya memberitahu anda, keputusan itu tidak mengganggu saya. Saya tidak menyesal membuat keputusan. Saya berasa selesa mengenainya dan itu sebabnya saya berasa ceria. Saya fikir apa yang saya lakukan ini adalah demi kepentingan negara dan parti. Ia akan membolehkan kita menumpukan perhatian kepada tugas yang ada dan saya akan menggunakan sepenuhnya bulan-bulan terakhir untuk melaksanakan agenda saya. Meninggalkan satu jawatan utama dan menyerahkan kuasa penting bukan keutamaan saya.

**? Adakah Datuk Seri melihat pengunduran Datuk Seri akan membantu menyatupadukan parti?**

**S**aya harap keputusan ini demi kepentingan negara. Pada masa sama, saya perlu memberi tumpuan kepada apa yang perlu saya lakukan. Saya percaya sikap dan tindak-tanduk anggota parti akan menentukan masa depan parti. Itu paling utama. Jika mereka meletakkan kepentingan parti melebihi kepentingan diri sendiri, Umno akan selamat.

**? Memandangkan Datuk Seri telah menyatakan hasrat untuk mengundurkan diri, beberapa pihak tertentu mendesak Datuk Seri mengundurkan diri sekarang. Ada pihak juga menyatakan bahawa Datuk Seri mulai sekarang hingga Mac nanti tidak perlu ber-**

**cakap apa-apa, sedangkan mereka terus membuat pelbagai kenyataan walaupun sudah lama meninggalkan tampuk pemerintahan. Apakah komen Datuk Seri?**

**S**aya amat menyedari apa yang saya mahu lakukan. Saya telah merancang persaraan saya, saya telah merancang terlebih dulu bila saya perlu menyerahkan kuasa dan apa yang perlu dilakukan. Saya terus kekal bukan untuk mendapat nama sebagai perdana menteri.

Saya memutuskan untuk kekal kerana saya mempunyai misi. Saya mesti menunaikan janji-janji saya dengan baik terutama untuk melakukan pembaharuan. Ingat, saya dikritik kerana telah membuat janji-janji yang disukai dan disambut baik oleh rakyat dan mereka kemudian menyatakan saya tidak mengotakan janji-janji.

Tetapi saya tidak dapat menunaikan semuanya dalam tempoh empat tahun pertama kerana saya menumpukan kepada perkara lain. Tetapi ada satu perkara yang perlu saya nyatakan di sini bahawa manifesto pilihan raya 2004 bukanlah hanya untuk empat tahun (yang berakhir hingga 2008) iaitu tempoh semasa saya memegang tampuk pemerintahan dan kemudiannya saya akan membuat manifesto lain.

**? Maka Datuk Seri melihatnya sebagai satu penyediaan asas bagi masa depan?**

**Y**a, kerana saya amat menyedari bahawa saya hanya mula me-

nerajui saya selepas tempoh masa pertama pelaksanaan Wawasan 2020. Saya berada dalam waktu permulaan tempoh kedua Wawasan 2020. Maka saya masih mempunyai tempoh tiga hingga lima tahun (untuk melaksanakan beberapa program).

Saya memikirkan bahawa dalam tempoh masa kedua di mana saya fikir boleh memilih untuk melaksanakan apa yang saya mahukan dan pada peringkat mana. Tetapi wujud satu perasaan kecewa mengenai apa yang diharapkan rakyat terhadap apa yang perlu dilakukan dan apa yang tidak saya lakukan.

Maka, apabila saya mengumumkan permulaan untuk mengadakan pembaharuan dalam kehakiman dan Badan Pencegah Rasuah, terdapat satu sokongan amat kuat. Ada orang yang kini mempersoalkan mengapa saya tidak mengumumkan pembaharuan-pembaharuan ini sebelum pilihan raya lalu dan mereka pasti akan menyokong tindakan berkenaan.

Apapun, ia kini tidak penting lagi kerana apa yang berlaku sudah berlaku. Saya akan memastikan bahawa saya akan melakukan beberapa pembaharuan dan program ekonomi. Mungkin mereka yang meminta supaya saya diam mahu memonopoli tumpuan itu untuk diri sendiri.

**? Adakah Datuk Seri berasa akan kehilangan kesibukan memegang tampuk pemerintahan negara?**

# Pembaharuan, pembangunan tak boleh dibuat tergesa-gesa

## Kerajaan sekarang lebih terbuka untuk terima kritikan

DARI MUKA 33

**M**ungkin, tetapi saya akan merasakannya apabila saya bersara. Ia akan menjadi masa untuk orang lain. Saya boleh menyatakan bahawa saya tidak akan cuba untuk 'mentadbir dari luar.'

**?** Apakah pencapaian besar Datuk Seri ketika menjadi Perdana Menteri?

**H**akikatnya, masa saya masih belum tamat lagi. Lebih molekul kita membicarakannya selepas saya menamatkan tempoh perkhidmatan dan saya bersara.

**?** Datuk Seri memimpin BN mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum 2004 dan mengalami kekalahan teruk pada 2008. Adakah Datuk Seri fikir kemerosotan sokongan itu berpunca daripada Datuk Seri yang tidak menunaikan janji untuk mengadakan pembaharuan?

tulah yang diperkatakan oleh ra-

untuk mengadakan pilihan raya pada masa itu apabila ramai orang berpendapat ia agak terlalu awal.

Tetapi saya fikir jika saya menangguhkannya, ia mungkin mempunyai risiko. Lihat apa yang berlaku selepas pilihan raya umum lalu apabila harga minyak naik, harga makanan turut naik. Beberapa masalah lain juga timbul. Saya fikir ia akan menjadi lebih sukar kepada kita apabila memperolehi keputusan yang menyaksikan kita mempunyai kelebihan 58 kerusi daripada pembangkang.



Saya fikir jika kita menangguhkan pilihan raya, ia akan menjadi lebih buruk kerana kita terpaksa menangani beberapa masalah seperti harga minyak yang melambung, inflasi dan kegawatan ekonomi dunia seperti yang kita alami sekarang.

Dalam banyak negara membangun lain, mempunyai kelebihan 58 kerusi menggambarkan satu kemenangan besar. Saya bertemu dengan beberapa rakan sejawatan dari negara lain dan mereka bertanya saya apakah yang kecoh sangat di Malaysia.

Perkara paling penting ialah mengakui wujudnya perkembangan ini. Sebelum ini pun, saya memang berpendapat bahawa kita perlu beri lebih banyak ruang dan kebebasan kepada perjalanan demokrasi.

Masalah yang dihadapi sebelum ini ialah kami (kerajaan) tidak mampu memberi penjelasan secara lebih berkesan mengenai dasar kami dalam usaha menangani keadaan yang wujud. Keadaan ini adalah sesuatu yang baru bagi kami, termasuk saya sendiri, kerana selepas kami memberi kebebasan terhadap sikap terbuka, kami perlu mampu menanganinya dan rakyat pula telah memberi reaksi yang cukup mengghairahkan terhadap kebebasan ini, hinggan mereka berpendapat bahawa kebebasan bererti mereka boleh berkata apa saja yang mereka mahu, seperti yang berlaku dalam laman blog.

Saya tak kata semua orang menyalahgunakannya, tapi saya rasa peraturan mereka yang terdorong untuk menyalahgunakannya, cukup besar untuk menimbulkan



**“**Orang tidak lagi bodoh atau kurang maklumat, oleh itu BN perlu berkebolehan untuk memberi penerangan mengenai dasarnya dengan lebih berkesan”

**“** Saya tetap berpendapat kebebasan sepenuhnya memang tidak boleh diterima. Kita tak boleh biarkan orang menyebarkan perkara bohong dan memfitnah dengan sesuka hati, seperti yang kadangkala dilakukan media alternatif”

mai orang dan saya cenderung untuk mempercayai apa yang diperkatakan mereka. Perkara ini adalah sebahagian daripada aduan serius kerana janji pembaharuan mengembirakan ramai orang berdasarkan daripada komen dalam laporan akhbar selepas pilihan raya 2004.

**?** Adakah Datuk Seri berasakan kerajaan perlu melakukan lebih daripada memenuhi kehendak aspirasi rakyat. Bolehkah Datuk Seri memberikan contoh?

**S**ekali lagi ia adalah dari segi pelaksanaan pembaharuan, kami tidak menyelesaikannya. Apapun, yang lepas telah berlalu. Saya sentiasa ingin memulakan perubahan-perubahan ini, tetapi saya ingin melakukannya secara beransur-ansur.

Tetapi rakyat mungkin mahukan saya bertindak lebih cepat dan mungkin inilah sebabnya mereka meluahkan rasa tidak puas hati. Dalam apa jua kes, saya telah menyatakan saya mahu melaksanakan pembaharuan terhadap institusi berkenaan dan melancarkan jaring keselamatan sosial yang akan meliputi 110,000 isi rumah.

**?** Jika Datuk Seri mempunyai peluang melakukannya sekali lagi, adakah Datuk Seri akan merancang sesuatu yang berbeza bagi pilihan raya umum ke-12? Adakah Datuk Seri berpendapat bahawa Datuk Seri gopoh ketika memutuskan untuk membubarkan Parlimen apabila Datuk Seri tidak mempunyai waktu untuk menyusun kemas jentera pilihan raya BN?

**S**ebenarnya, pengaturan masa itu telah difikirkan dengan sebaik-baiknya. Saya mahu memperbaharui mandat kerana sebelum pilihan raya umum terdapat amat banyak kritikan terhadap pelbagai perkara. Maka, saya fikir bahawa adalah lebih baik untuk mendapat mandat baru. Itulah sebabnya mengapa saya memutuskan

Saya memberitahu mereka bahawa saya tidak memperoleh dua pertiga majoriti dan mereka menyatakan: “Apa? Kami tidak pernah mendapat majoriti dua pertiga.”

Apakah yang begitu dikuatirkan dengan dua pertiga?”

Saya menyatakan bahawa rakyat Malaysia adalah rakyat Malaysia, mereka sentiasa mahukan bahagian yang mereka selalu ada. Sama ada mereka lapar atau tidak, itu tidak penting, mereka sentiasa mahukan bahagian yang mereka lazim memilikinya.

**?** Ada pihak mengatakan bahawa berikutan pembaharuan yang Datuk Seri laksanakan dalam bidang pentadbiran, telah wujud lebih banyak kebebasan di negara ini. Malah, ada pihak mengatakan bahawa sikap terbuka Datuk Seri inilah yang menjadi punca kejatuhan Datuk Seri. Apakah Datuk Seri menyesali perkara ini?

**S**etiap manusia ada pendapat masing-masing, tapi biarlah kita bersikap realistik mengenai perkara ini. Pada era ini, di mana manusia mempunyai akses kepada maklumat melalui begitu banyak sumber, logik bagi perkembangan ini ialah seseorang itu wajar mengamalkan sikap terbuka.

Jangan kongkong akhbar. Jika ada akhbar tertentu membuat penapisan yang terlalu ketat terhadap subjek tertentu, orang masih boleh mendapatkan maklumat berkenaan melalui sumber lain. Jadi, akhbar akan berasa bimbang mereka dituduh tidak menyatakan perkara sebenar. Itulah bentuk keterbukaan yang perlu kita akui dan terima (pada zaman ini).

Kini, telah muncul satu generasi baru yang berpendidikan tinggi, muda dan lebih bermaklumat. Orang tidak lagi bodoh atau kurang maklumat, oleh itu BN perlu berkebolehan untuk memberi penerangan mengenai dasarnya dengan lebih berkesan.

keimbangan dan masalah.

**?** Jadi, kesimpulannya, kita masih memerlukan undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi?

**Y**a, kita memang perlukan semua Akta yang ada itu.

**?** Sebagai alat untuk mengawal dan menegur?

**Y**a, bagi mengawal dan menegur. Tapi, dalam melaksanakan Akta ini, kami perlu bersikap bijak. Ia bukanlah undang-undang yang patut disalahgunakan. Kami tak boleh menyalahgunakan undang-undang yang ada. Ia sebenarnya bertujuan mencegah berlakunya perkara yang tidak sepatutnya kita lakukan.

Bagaimanapun, saya tetap berpendapat kebebasan sepenuhnya memang tidak boleh diterima. Kita tak boleh biarkan orang menyebarkan perkara bohong dan memfitnah dengan sesuka hati, seperti yang kadangkala dilakukan media alternatif. Saya cuba minta mereka menilai persekitaran yang ada, secara objektif. Saya rasa, sekarang, kerajaan lebih terbuka untuk dikritik, berbanding sebelum ini.

Kita akan ada badan seperti Pemuda, di mana orang boleh mengkritik jentera kerajaan secara langsung dan berterus terang kepada pegawai kanan kerajaan, dan kritikan ini akan diambil tindakan. Saya percaya, jika rakyat menilai perkara ini secara objektif, mereka akan nampak wujudnya ruang yang begitu luas untuk melahirkan pendapat yang membina.

**?** Jadi, ringkasnya, adakah Datuk Seri bermaksud untuk menyatakan bahawa kerajaan perlu tahu cara untuk menangani keterbukaan dan kebebasan ini, yang sebenarnya merupakan satu fenomena global?

**D**ari satu segi, memanglah iri satu fenomena global. Ini kerana kita boleh mendapat lebih banyak maklumat daripada pelbagai sumber, manakala orang pula belajar untuk berkomunikasi antara satu dengan lain melalui pelbagai cara seperti SMS, YouTube atau Facebook bukan lagi melalui cara yang sering mereka gunakan sebelum ini. Teknologi baru dalam bidang komunikasi memberi kebebasan kepada kita untuk menyebarkan maklumat dan kebebasan untuk menerimanya.

**?** Adakah Datuk Seri yakin banyak hasil yang boleh dicapai oleh Datuk Seri dalam tempoh lima bulan akan datang? Apakah perancangan Datuk Seri? Adakah terdapat perkara lain dalam minda Datuk Seri, yang ingin Datuk Seri laksanakan sebagai asas bagi generasi akan datang?

**S**aya kena terus beri fokus terhadap apa yang ingin saya capai. Setakat ini, kami telah melaksanakan beberapa langkah dan kami juga menghadapi beberapa masalah untuk memastikan ia berjalan lancar. Kami bukannya tak buat apa-apa.

Saya masih ada kuasa eksekutif sampailah hari saya membuat keputusan menyerahkan tanggungjawab kepada pengganti saya. Apa yang ingin saya laksanakan adalah baik dan penting bagi negara dan oleh itu, saya yakin bahawa mereka yang cuba menghalang kejayaannya, bererti mereka bertindak bertentangan dengan kepentingan negara dan rakyat. Seperti yang telah saya katakan sebelum ini, saya ingin pastikan pembaharuan berjaya dilaksanakan dan jika saya perlu bawa masuk orang lain untuk membantu saya, saya akan berbuat begitu.

Kerana sebab-sebab tertentu, banyak orang tidak tertarik terhadap langkah melakukan pembaharuan

# Syukur dapat berkhidmat kepada rakyat

## Perpaduan antara kaum tonggak kekuatan, kejayaan negara: Abdullah

DARI MUKA 34

terhadap sesuatu institusi. Tetapi, saya percaya perkara ini amat penting bagi Malaysia, terutama, jika kita ingin menjadi sebuah negara yang matang dan maju. Sejak sekian lama, persepsi terhadap institusi kita telah terhakis. Tidak kiralah sama ada persepsi ini betul atau salah, ia merupakan persepsi negatif dan jika perkara ini tidak diatasi, akhirnya, ia akan menjadi suatu realiti.

Apabila orang sudah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap institusi, maka negara tidak dapat berfungsi dengan dengan baik. Rakyat perlu mempunyai keyakinan terhadap badan kehakiman dan agensi penguatkuasaan. Apa yang saya cuba lakukan ialah melaksanakan perubahan ini secara rasmi.

Dalam bidang ekonomi, saya sering menyatakan bahawa pertumbuhan dan kemakmuran kita perlu dikongsi dengan lebih sama rata, di

yang mereka mahu. Tapi, pembangkang memang ingin melakukan sesuatu mengikut cara mereka dan kami pula ada cara kami. Namun demikian, kami sedia mendengar apa yang ingin mereka katakan.

Cadangan ini baik untuk rakyat. Kedua-dua pihak perlu menerima hakikat bahawa mereka tidak akan mendapat segala-galanya, tapi kami perlu sampai kepada titik persetujuan untuk meluluskan rang undang-undang berkenaan. Saya tak fikir pembangkang akan menghalangnya, hanya kerana politik. Kalau mereka buat begitu, mereka tidak berlaku adil kepada rakyat Malaysia.

Saya harap akan wujud ruang persetujuan yang secukupnya. Sekurang-kurangnya kami telah melakukan sesuatu. Undang-undang bukanlah sesuatu yang kaku, kita boleh memindanya. Marilah kita berjuang untuk rakyat. Seruan ini juga ditujukan kepada mereka yang ada dalam kerajaan pimpinan saya. Kalau mereka tidak berkolaborasi untuk melakukan



ABDULLAH ketika ditemu bual Ketua Pengarang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Yong Soo Heong di kediaman rasmi beliau di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

“Apabila orang sudah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap institusi, maka negara tidak

hubungan ini lebih berkesan

raka patut hidup bersama tanpa ber-

*maka negara tidak dapat berfungsi dengan dengan baik. Rakyat perlu mempunyai keyakinan terhadap badan kehakiman dan agensi penguatkuasaan. Apa yang saya cuba lakukan ialah melaksanakan perubahan ini secara rasmi”*

rongser dengan BN sama rata, di pelbagai peringkat — antara komuniti, antara golongan kaya dan miskin, antara wilayah. Jaring keselamatan sosial perlu diperluaskan dan ditambah baik bagi membela golongan yang kurang bernasib baik.

Inisiatif pembangunan koridor amat penting kerana ia memberi ruang untuk mengagihkan peluang yang berkualiti secara sama rata di seluruh negara, dan tidak hanya bertumpu di pusat bandar semata-mata. Saya tahu, orang sering bertanya, “mana hasilnya?”. Tapi, kita kena sedar bahawa ia adalah pelan jangka panjang, yang akan mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan sepenuhnya.

Bagaimanapun, saya harap kami akan mencapai hasil yang ketara dalam tempoh enam bulan lagi.

**? Adakah Datuk Seri yakin akan mendapat sokongan Kabinet pimpinan Datuk Seri terhadap beberapa pembaharuan yang ingin diperkenalkan itu?**

Orang ada pelbagai pendapat, perbezaan pendapat pun akan ada, tapi Insya-Allah, saya yakin saya akan mendapat sokongan yang diharapkan itu. Kalau tidak, saya kena cari orang yang boleh memberi sokongan terhadap perubahan yang saya cadangkan ini.

**? Adakah Datuk Seri yakin akan mendapat sokongan daripada pembangkang?**

Kenapa tidak? Terpulanglah kepada mereka. Kalau mereka nak main politik, mereka tidak akan menyokongnya. Mereka boleh anggap perkara ini sebagai sesuatu yang menguntungkan mereka kerana jika kerajaan tidak dapat melaksanakan cadangan ini, maka ia akan menjadi modal bagi mereka untuk menempelak kerajaan bahawa kami tidak lakukan ini dan itu. Ia akan dijadikan isu dalam kempen politik mereka, tapi saya tidak fikir ia akan menguntungkan rakyat.

Kalau itulah pendekatan yang akan mereka ambil, maka saya akan berasa sedih. Mereka menafikan peluang rakyat untuk mendapat apa

reka tidak menolong saya melakukannya, saya kena cari orang lain.

**? Maksudnya perlu kurangkan politiking dan lebih banyak bekerja untuk rakyat?-**

Ya, tepat sekali.

**? Ada pemerhati berpendapat BN tetap akan mengalami masalah pada pilihan raya, biar siapa pun yang memimpin parti. Adakah Datuk Seri setuju dengan pendapat ini?**

Saya tak tahu. Saya tak mahu kata apa-apa, saya tak pernah berfikir mengenai perkara itu. Apa yang perlu kami lakukan sekarang ialah tidak bercakap mengenai apa yang sudah berlaku atau siapa yang lebih layak untuk menjadi ketua, tapi kami telah mengambil iktibar daripada pengalaman pada pilihan raya umum lalu.

Apa yang perlu kami lakukan pada pilihan raya umum akan datang ialah berusaha lebih gigih, berbanding sebelum ini. Apa yang jelas ialah kami perlu amati apa yang rakyat mahu dan melaksanakan untuk mereka.

**? Pada pendapat Datuk Seri, apakah yang perlu dilakukan BN bagi mendapatkan semula keyakinan dan sokongan rakyat Malaysia?**

Formula kami telah membuahkan hasil sejak 50 tahun lalu, pertama sebagai Perikatan dan kemudian, BN. Bagi saya, ia satu model yang baik kerana ia memberi tempat kepada setiap orang. Pembangkang juga sudah membentuk satu Perikatan, tapi pada pendapat saya, ia sukar berjaya kerana ideologi mereka begitu berbeza. Tapi, seperti benda lain, formula yang ada pada kami ini perlu dikaji dari semasa ke semasa.

Dalam sesebuah keluarga besar, kerumitan pasti wujud. Sesetengah orang berkata Umno terlalu dominan. Sesetengah pihak dalam Umno pula berpendapat pihak lain menuntut terlalu banyak perkara. Apa yang pasti ialah kami perlu lebih jelas. Kami perlu berbincang bagaimana untuk menjadikan kerjasama atau

gabungan ini lebih berkesan.

Sebab itulah saya ingin mengadakan Konvensyen BN awal tahun depan. Mungkin ia tidak akan memberi semua jawapan, tapi ia akan meletakkan kami di landasan yang betul.

**? Rabu lalu, Datuk Seri menyebutkan mengenai keadaan hubungan antara kaum dan agama yang semakin merosot di negara ini. Malah, Datuk Seri sendiri dilihat menangguk dialog antara agama. Apa yang tidak kena?**

Saya bukannya melangkah ke belakang berhubung dialog antara agama. Apa yang saya katakan ialah perbincangan sensitif ini perlu dikendalikan dengan cukup berhati-hati, mungkin diadakan secara tertutup kerana ia adalah subjek yang penuh dengan emosi dan mudah meledak. Setiap kali ia dibangkitkan, ada orang yang berasa terancam. Mereka berasakan hak dan sensitiviti mereka dipijak-pijak.

**? Pada pendapat Datuk Seri, apakah cabaran paling besar yang akan dihadapi pengganti Datuk Seri iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak kelak?**

Saya rasa ia adalah perpaduan nasional. Keadaan hubungan antara kaum dan agama yang ada sekarang, tidak begitu baik. Saya berpendapat, kami sudah mencapai banyak kejayaan selama ini, tapi kami perlu kembali kepada asas dan menyedari bahawa Malaysia menjadi kuat hasil daripada gabungan pelbagai bangsa dan komuniti yang ada di negara ini.

Kepelbagaian kaum dan agama yang wujud di negara ini adalah suatu rahmat, bukan suatu petaka. Aset yang ada pada kita ini tidak sepatutnya ditukar menjadi sesuatu yang negatif. Kita perlu tangani isu ini secara berterus terang, jujur dan penuh kefahaman. Selepas lebih 50 tahun Merdeka, isu ini akan terus kekal bersama kita.

Apabila sesuatu generasi sudah memahaminya, akan muncul pula generasi baru yang perlu dididik dan diberitahu mengenai bagaimana me-

reka patut hidup bersama, tanpa bersengketa. Jadi, mereka akan tahu mengenai hubungan kaum dan toleransi beragama. Ia ibarat kehidupan dalam sebuah keluarga.

Apabila lahirnya generasi baru, pada peringkat tertentu, mereka perlu diberitahu mengenai keluarga ini, siapa kita, apa yang ingin kita lihat, bagaimana mereka patut mainkan peranan masing-masing dan tingkah laku yang patut mereka amalkan. Ini semua amat penting. Jadi, apabila muncul generasi baru, mereka perlu dididik. Isu ini akan terus kekal bersama kita untuk tempoh yang cukup panjang. Inilah cabaran paling besar yang akan dihadapi oleh Najib.

Secara luaran, saya rasa ekonomi kita akan terus menghadapi cabaran besar. Ia adalah kebalikan daripada 1998 kerana dari segi asasnya, kita masih kuat.

Kali ini, masalah bermula di wilayah yang dikenali sebagai pasaran maju. Namun, masalah mereka itu, lambat laun akan memberi kesan kepada kita.

Ekonomi kita cukup terbuka. Jumlah dagangan mencapai kadar dua kali ganda KDNK. Saya berpendapat bahawa kami telah berjaya mengurus ekonomi dengan berhemat dan ini meletakkan kami pada kedudukan yang baik.

**? Bagaimana pula selepas Mac nanti? Apakah perkara utama yang ingin Datuk Seri lakukan sebaik saja bersara kelak, bercuti, barangkali?**

Pada masa ini, saya lebih memberi tumpuan untuk membereskan apa yang perlu saya buat berhubung pembaharuan institusi dan inisiatif ekonomi. Selepas itu, saya akan ada lebih banyak masa untuk cucu-cucu saya dan bermain golf serta memancing.

**? Bagaimanakah Datuk Seri ingin dikenang orang?**

Saya serahkan kepada rakyat untuk menentukan perkara itu. Bagi saya, saya amat bersyukur kerana dapat berkhidmat kepada tanah air saya sejak sekian lama.